

19/09/2003

Ensiklopedia PM dilancar Ahad

KUALA LUMPUR: Ensiklopedia Perdana Menteri yang akan dilancarkan Ahad ini, mengandungi hasil pemikiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pelbagai bidang, termasuk pembangunan negara dan isu antarabangsa.

Penghasilan ensiklopedia yang dicetuskan pemilik syarikat penerbitan Dar Al Kitab Al Masri, berpusat di Mesir, Hassan El-Zein, bakal menjadi bahan rujukan yang sama penting dengan pemikiran sarjana Islam terkemuka dan pemimpin dunia yang dihormati.

Ensiklopedia 10 jilid dalam tiga versi iaitu bahasa Inggeris dan Arab serta gabungan bahasa Inggeris dan Arab akan diedarkan di pasaran tempatan oleh syarikat penerbitan Darulfikir Sdn Bhd dengan harga RM1,300 hingga RM2,200 satu set.

Pengarah Urusan Darulfikir, Mohd Zaki Ahmad, berkata ensiklopedia yang mengandungi lebih 100 hasil tulisan Dr Mahathir itu mempunyai maklumat dan ilmu yang tidak ternilai serta tidak wajar dibazirkan begitu saja.

"Idea dan pemikiran Dr Mahathir amat diperlukan oleh masyarakat dan umat Islam di seluruh dunia. Maka, sewajarnya ia dikumpul dan dibukukan bagi mereka yang ingin mengetahui sumbangan beliau," katanya.

Pelancaran ensiklopedia itu akan disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di kampus induk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, Selangor.

Ensiklopedia itu juga akan dilancarkan di Universiti Oxford, Britain pada 23 September ini, selepas Perdana Menteri memberi ucapannya di sana.

Antara topik menarik ialah berkaitan realiti dunia masa kini seperti masa depan umat Islam; pembangunan ekonomi; kerjasama serantau dan antarabangsa; pergerakan negara berkecuali; sains dan teknologi; demokrasi serta perkongsian pintar.